



SIKAP PENGGUNAAN RADIO ATAS TALIAN “THR GEGAR” DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI

(Attitude of Using Radio Online “THR Gegar” among University Student)

Norizah Aripin¹, Ummi Madihah Daud¹

¹Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok, Kedah, Malaysia

Corresponding Author Email: noryzah@uum.edu.my

Received: 26 November 2020 • Accepted: 20 December 2020 • Published: 30 December 2020

Abstract

The age of modern technology has created the online radio "THR Gegar" which is an alternative radio channel to fans of the radio channel by using the Internet and mobile gadgets in its broadcasting without having to bother finding the right frequency to get its broadcast wave. This study aims to examine the factors that influence the attitude of online radio use "THR Gegar" among students of Universiti Utara Malaysia. This study uses a quantitative methodology that is a survey of questionnaires. Distribution of questionnaires was given to students of Universiti Utara Malaysia, especially INASIS Petronas. This study uses descriptive statistical analysis, Pearson and Spearman correlation analysis and t-test to analyze the entire collected data. The results of the study found that there is a positive relationship between knowledge, ease of use, usefulness, enjoyment and frequency of use of online radio "THR Gegar" on the attitude of online radio use "THR Gegar". While, there is no difference between the gender and the attitude of using the radio. Based on the results of this study, the factors that influence the attitude of online radio use "THR Gegar" are knowledge, easy to use, useful, enjoyment and frequency of use of online radio "THR Gegar". The results of this study are significant in terms of the development of theory, methodology and field of digital radio broadcasting.

Keywords: Attitude, Technology Acceptance Model, "THR Gegar" Online Radio

Abstrak

Zaman teknologi moden telah mewujudkan radio atas talian “THR Gegar” yang menjadi saluran radio alternatif kepada peminat saluran radio tersebut dengan menggunakan jaringan Internet serta gajet mudah alih dalam penyiarannya tanpa perlu bersusah-payah mencari frekuensi yang tepat untuk mendapatkan gelombang siarannya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia. Kajian ini

menggunakan metodologi kuantitatif iaitu tinjauan soal selidik. Edaran soal selidik diberikan kepada pelajar Universiti Utara Malaysia, khususnya INASIS Petronas. Kajian ini menggunakan analisa statistik diskriptif, analisis korelasi Pearson dan Spearman dan ujian *t-test* untuk menganalisa keseluruhan data terkumpul. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan positif antara pengetahuan, mudah digunakan, berguna, keseronokan dan kekerapan penggunaan radio atas talian “THR Gegar” terhadap sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar”. Manakala tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan sikap penggunaan radio tersebut. Berdasarkan hasil kajian ini, maka faktor yang mempengaruhi sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” adalah pengetahuan, mudah digunakan, berguna, keseronokan dan kekerapan penggunaan radio atas talian “THR Gegar”. Hasil kajian ini signifikan dari segi pembangunan teori, metodologi dan bidang penyiaran radio digital.

Kata kunci: Sikap, Model Penerimaan Teknologi, Radio Atas Talian “THR Gegar”

Cite as: Aripin, N., & Daud, U. M. (2021). Attitude of using radio online “THR Gegar” among university students. *Asian People Journal*, 3(SI1), 19-32

PENGENALAN

Menggunakan radio sudah tidak asing lagi bagi masyarakat umum sebagai saluran atau medium untuk mendapatkan maklumat mahupun hiburan. Satu ketika dahulu radio amat penting sebagai sumber maklumat kepada orang ramai di segenap pelusuk negeri semasa zaman penjajahan negara asing di Tanah Melayu. Pelbagai jenis media massa yang ada pada zaman itu digunakan untuk mendapatkan maklumat terkini tentang pemerintahan dan arahan-arahan daripada pihak berkuasa. Jabatan Penerangan Malaysia misalnya pada awal operasinya dalam tahun 1940-an semasa penjajahan pihak luar telah berfungsi untuk menenangkan dan mengawal keadaan rakyat dengan memberi penerangan dengan menggunakan kaedah komunikasi bersemuka, bahan bercetak serta penyiaran melalui radio (Jabatan Penerangan Malaysia, 2012).

Zaman ini, teknologi pula memainkan peranan untuk meluaskan lagi siaran radio agar lebih berkesan untuk capaian para pendengar dengan menggunakan talian Internet yang semakin popular. Talian Internet lebih mudah didapati dengan adanya khidmat ‘wi-fi’ atau internet jalur lebar tanpa wayar yang banyak tempat-tempat awam seperti pusat kemudahan awam, kafe, restoran, hentian bas atau universiti. Perkataan atau terma yang sering digunakan untuk radio atas talian atau lebih dikenali dengan ‘*online radio*’ semakin mendapat tempat di hati kerana lebih mudah untuk dicapai berbanding membeli sebuah radio yang menelan belanja yang besar serta kurang berbaloi. Justeru, tidak hairanlah jika anak muda masa kini menggemari untuk mendengar lagu secara atas talian menggunakan komputer meja, komputer riba mahupun dalam gajet pilihan masing-masing sama ada di rumah, dalam kenderaan, atau di mana jua.

PERNYATAAN MASALAH

Radio atas talian telah diwujudkan dengan ciptaan teknologi ‘*Internet streaming*’ pada awal tahun 1990-an. Ini bermakna pengguna boleh mendengar radio yang disiarkan oleh stesen radio konvensional pada saat itu tanpa perlu memuat turun fail audio dahulu. Kejayaan pertama penggunaan teknologi ini telah dicapai oleh sebuah syarikat di Amerika, *Networks Progressive* yang membangunkan perisian audio *Real Player* (van Selm, Jankowski & Kleijn, 2004). Oleh itu, penggunaan Internet semakin meningkat ekoran

kemudahan jalur lebar ini dikatakan adalah satu kepentingan, dan bukan atas kehendak. Segala maklumat yang ingin dicari berada di hujung jari.

Penggunaan Internet adalah paling tinggi apabila menjalankan aktiviti memuat turun filem, gambar, muzik, menonton TV atau video, atau mendengar radio serta muzik dengan peratusan 64.6% berbanding aktiviti lain secara keseluruhannya dalam Malaysia (Jadual 1). Hal ini menunjukkan masyarakat Malaysia lebih cenderung untuk menggunakan Internet sebagai sumber hiburan, khususnya mendengar radio atas talian berbanding dengan aktiviti lain (Buku Maklumat Statistik Q1, 2013).

Jadual 1: Aktiviti yang dijalankan oleh pengguna Internet mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2013

Negeri State	Bermain atau memuat turun permainan video atau permainan komputer <i>Playing or downloading video games or computer games</i>	Memuat turun filem, gambar, muzik, menonton TV atau video, atau mendengar radio atau muzik <i>Downloading movies, images, music, watching TV or video, or listening to radio or music</i>	Memuat turun perisian <i>Downloading software</i>	Membaca atau memuat turun akhbar atau majalah online, buku elektronik <i>Reading or downloading online newspaper or magazines, electronic books</i>	Membeli dan membuat pesanan barangan dan perkhidmatan <i>Purchasing and ordering goods and services</i>
MALAYSIA	47.9	64.6	31.5	52.1	15.3
Johor	51.9	66.4	34.3	54.2	14.6
Kedah	54.0	69.8	30.5	53.1	10.7
Kelantan	44.8	58.8	15.8	48.9	9.5
Melaka	64.2	72.3	44.8	52.9	11.9
Negeri Sembilan	50.7	68.4	34.2	49.1	15.0
Pahang	65.9	86.9	51.6	62.6	16.5
Pulau Pinang	37.8	53.8	27.1	57.7	13.8
Perak	39.9	57.3	12.0	47.2	9.0
Perlis	63.4	76.4	24.3	24.9	20.9
Selangor	42.4	60.2	36.1	50.5	17.6
Terengganu	68.3	83.0	43.4	59.9	7.6
Sabah	44.6	64.3	22.8	44.2	12.1
Sarawak	48.1	66.9	23.3	53.1	15.6
W.P. Kuala Lumpur	48.6	63.4	33.8	56.4	24.9
W.P. Labuan	32.5	35.3	19.2	54.0	27.0
W.P. Putrajaya	31.2	58.8	44.5	64.5	54.0

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2013)

(dipetik daripada Buku Maklumat Statistik Q1 (2013). Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kedapatan di <http://www.skmm.gov.my/Resources/Statistics/Communications-and-Multimedia-Pocket-Book-of-Stat.aspx?lang=ms-MY>. Akses pada 2 April 2015.

Jenks (2010) berkata “*Waking up to the radio was a routine for 12- to 24-year-olds a decade ago, but the number who do so has sharply dwindled since then*” (dipetik daripada laman sesawang <http://www.marketresearchworld.net/content/view/3496/77/>). Ini bermakna, dahulu radio sangat diperlukan oleh sejumlah orang berumur 12 hingga 24 tahun sehinggakan dijadikan sebagai jam loceng untuk bangun pada waktu pagi, tetapi jumlah itu semakin merudum. Jenks (2010) menambah lagi, lebih ramai anak muda beralih kepada penggunaan Internet daripada mendengar muzik atau membaca surat khabar. Walau bagaimanapun, dalam kajian yang dilakukan oleh *Bridge Ratings* (2010) (dipetik daripada Jenks, 2010) ada menunjukkan peningkatan positif dalam penggunaan radio atas talian saban tahun (Jenks, 2010). Jadual 2 di bawah menunjukkan peratusan rakyat Amerika Syarikat berumur 12 tahun ke atas dalam penggunaan media mengikut tahun.

Jadual 2: Peratusan rakyat Amerika Syarikat berumur 12 tahun ke atas dalam penggunaan media mengikut tahun.

Media Usage, 2006-2012
% of US consumers

	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Radio	93.0%	92.7%	92.3%	92.7%	93.1%	93.5%	93.8%
Social networking	9.6%	15.1%	29.4%	38.3%	49.0%	58.8%	70.6%
MP3 players	19.4%	27.0%	32.9%	39.5%	45.5%	51.8%	58.6%
Internet radio*	7.0%	9.0%	18.1%	30.2%	36.2%	43.5%	52.2%
Podcasting	3.7%	7.3%	12.8%	14.0%	16.8%	19.8%	23.8%
Satellite radio	5.0%	6.0%	6.1%	6.0%	6.6%	6.9%	7.1%

Note: *past 30 days
Source: Bridge Ratings, “Digital Preparedness Study,” June 30, 2010

Sumber: Bridge Ratings, 2010

(dipetik daripada Jenks, J. (2014). Kedapatan di

<http://www.marketresearchworld.net/content/view/3496/77/>. Akses pada 1 April 2015)

Mengikut jadual di atas, 36% pengguna berumur 12 tahun ke atas telah menggunakan radio atas talian pada tahun 2010 dan menunjukkan peningkatan yang baik pada tahun 2012 dengan peratusan 52% (*Bridge Ratings*, 2010; dipetik daripada Jenks, 2010).

Secara keseluruhannya, radio atas talian digunakan pada zaman serba moden ini. Ini kerana kemudahan Internet masa kini dapat memberikan kesenangan dan kepantasan dalam melakukan kerja dan berhibur. Kewujudan gajet canggih dan perisian untuk membangunkan radio atas talian pula membantu peningkatan jumlah pengguna yang menggunakan radio atas talian. Kajian ini menggunakan model TAM (*Technology Acceptance Model*) yang dibangunkan oleh Davis (1989). Dalam model ini, enam pemboleh ubah bebas digunakan untuk kajian ini iaitu pengetahuan, mudah digunakan, berguna, keseronokan, kekerapan penggunaan radio atas talian “THR Gegar”, jantina dan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar”. Konsep pengetahuan dalam kajian ini merujuk kepada pengetahuan tentang kewujudan keberhasilan radio talian “THR Gegar”. Mudah digunakan, berguna dan keseronokan merujuk kepada radio talian ini sesuatu teknologi yang memudahkan, berguna dan seronok. Manakala, kekerapan penggunaan radio ini merujuk kepada tahap penggunaannya. Sikap pula merujuk kepada tingkah laku positif atau negatif mengenai radio ini.

Pemilihan stesen radio “THR Gegar” dalam kajian ini berdasarkan justifikasi dengan slogan “Permata Pantai Timur” boleh didengari secara atas talian Internet. Menurut Penolong Pengurus Program THR Gegar, Azhari Atan, pencapaian yang diraih oleh THR Gegar selepas memulakan operasi di bawah AMP

Radio Network pada Mei 2004 adalah cukup membanggakan. THR Gegar berupaya mencatatkan sebanyak 1.14 juta jumlah pendengar selepas wujud pertambahan 170,000 peminat di Pantai Timur. Menurutnya lagi, THR Gegar menambah lagi pendengar dengan 3.18 juta jumlah pendengar secara total selepas mencapai pertambahan 300,000 berbanding tahun 2007 yang membolehkan stesen itu berada di tangga keempat (Kosmo! Online, 2008). Stesen “THR Gegar” telah mencapai 3.8 juta pendengar setiap minggu dengan mengekalkan kedudukan di tempat kedua selepas Era FM di tempat pertama dengan jumlah pendengar sebanyak 5.2 juta orang seminggu berdasarkan rumusan keputusan Pengukuran Pendengar Radio Nielsen, Liputan 2, 2014 (MyMetro, 2014).

Menurut sumber dari artikel surat khabar atas talian MyMetro (2007), “THR Gegar” memfokuskan kelompok pendengar berusia 18 tahun sehingga 39 tahun dan pemilihan variasi lagu pelbagai *genre* termasuklah lagu-lagu dialek negeri, retro dan terkini. Oleh itu, radio “THR Gegar” lebih mendapat tempat di hati pendengar serata negeri, khususnya pendengar pantai timur di Pahang, Terengganu dan Kelantan (MyMetro, 2007). “THR Gegar” juga adalah salah satu radio popular pilihan pendengar di Malaysia yang dikenali ramai, khususnya di kawasan Pantai Timur dengan cogan katanya “Permata Pantai Timur” (Radio Malaysia Online, 2015). Jadual 3 menunjukkan senarai stesen radio atas talian di Malaysia bersama dengan jumlah statistik pengunjung yang melayari radio atas talian mengikut kehendak pendengar di laman sesawangnya, <http://www.radiomalaysia.net> pada 22 Mac 2015 (Radio Malaysia Online, 2015)

Jadual 3: Statistik pengunjung laman sesawang Radio Malaysia Online mengikut pilihan stesen radio

Malaysia Radio	
Channels	Views
Era FM	6383383
HotFM	5533017
THR Gegar	4498952
Sinar FM	3636961
Suria FM	2084481
Hitz FM	1923454
Mix FM	634299
Fly FM	581879
Lite FM	576157
My FM	508553
Melody FM	320900
THR Raaga	261215
XFresh FM	214926
Hot FM Kelate	166678
Red FM	159183
Classic Rock	136777
India Beat	129759
Osai FM	105716
Hot FM T'ganu	98446
Jazz	82902
Gold FM	52687
One FM	48133
Opus FM	43597
988 FM	40948
Era FM Sabah	26684
Era FM Sarawak	21930
Pi Mai FM	21439
Arena Radio	19564
Suria FM Sabah	12070

Sumber: Radio Malaysia Online, 2015

(dipetik daripada laman sesawang <http://www.radiomalaysia.net/> pada 22 Mac 2015)

Di zaman serba canggih ini, radio masih lagi relevan digunakan sebagai sumber hiburan dan maklumat setelah berpuluh tahun kemunculannya di negara ini walaupun boleh menggunakan teknologi untuk memudahkan urusan. Walau bagaimanapun, menurut Keith (2010) dalam buku *“The Radio Station: Broadcast, Satellite, and Internet”* edisi kelapan, laman web stesen radio yang menawarkan siaran radio atas talian boleh memberi akses secara langsung kepada kandungan yang dikehendaki dan boleh digunakan sebagai penyelidikan, yang boleh mengeratkan hubungan antara stesen radio dengan pendengar dan kandungannya (Keith, 2010). Ini bermakna, radio atas talian lebih mudah dicapai dan dapat meningkatkan penglibatan dan minat pendengar terhadap sesuatu stesen radio. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar”.

PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah wujud hubungan antara pengetahuan dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar?
2. Adakah wujud hubungan antara mudah digunakan dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar?
3. Adakah wujud hubungan antara faktor berguna dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar?
4. Adakah wujud hubungan antara keseronokan dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar?
5. Adakah wujud hubungan antara kekerapan mendengar radio atas talian dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar?
6. Adakah wujud perbezaan antara jantina dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar?

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui hubungan antara pengetahuan dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar.
2. Mengetahui hubungan antara mudah digunakan dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar.
3. Mengetahui hubungan antara berguna dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar.
4. Mengetahui hubungan antara keseronokan dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar.
5. Mengetahui hubungan antara kekerapan mendengar radio atas talian THR Gegar dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar.
6. Mengetahui perbezaan antara jantina dan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar.

DEFINISI KONSEP DAN OPERASI PEMBOLEHUBAH

Berikut adalah definisi konsep dan operasi bagi pembolehubah yang dikaji:

Pengetahuan

Konsep pengetahuan dalam kajian ini merujuk kepada pengetahuan tentang kewujudan teknologi baru atau inovasi yang dihasilkan. Menurut Rogers (2003) (dipetik daripada Mahaman & Saodah, 2011, hlm. 8), pengetahuan tentang teknologi baru atau inovasi berlaku apabila individu itu terdedah kepada kewujudan inovasi dan memperoleh pemahaman tentang bagaimana ia berfungsi. Mahaman dan Saodah menambah lagi, pengetahuan ini boleh didapati secara pasif atau aktif. Pengetahuan secara pasif berlaku apabila

seseorang itu menyadari atau mendapat tahu tentang sesuatu inovasi secara kebetulan, manakala secara aktif pula, individu boleh menimba ilmu tentang inovasi melalui pencarian dengan inisiatif mereka sendiri (Mahaman & Saodah, 2011). Dari segi operasi, pengetahuan dilihat bagi mengenalpasti hubungan antara pengetahuan dan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia.

Mudah digunakan

Persepsi mudah digunakan (*perceived ease of use*) merujuk kepada sejauh mana individu merasakan bahawa penggunaan suatu sistem tertentu mudah difahami dan tidak sukar untuk dipelajari (Davis, 1989). Lee, Kozar, dan Larsen (2003) mendapati bahawa daripada 84 kajian mengenai Model Penerimaan Teknologi (TAM), hanya 58 menunjukkan hubungan yang ketara antara mudah digunakan dan niat menggunakannya. Mudah digunakan dalam konteks operasi kajian ini dilihat untuk mengenalpasti hubungan antara mudah digunakan dan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia.

Berguna

Persepsi berguna (*perceived usefulness*) didefinisikan oleh Davis (1989) ialah “*the degree to which a person believes that using a particular system would enhance his or her job performance*” (dipetik daripada Chuttur, 2009, hlm. 5) merujuk kepada sejauh mana individu itu percaya bahawa menggunakan suatu sistem tertentu akan meningkatkan prestasi kerja individu tersebut. Dalam kajian ini, berguna membawa erti sejauh mana pelajar Universiti Utara Malaysia percaya bahawa mendengar radio atas talian “THR Gegar” akan menjadi berguna kepada mereka. Persepsi berguna dalam konteks kajian ini dilihat untuk mengenalpasti hubungan antara berguna dan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia.

Keseronokan

Menurut Venkatesh (2000) (dipetik daripada Venkatesh & Bala, 2008), keseronokan bermaksud “*The extent to which the activity of using a specific system is perceived to be enjoyable in its own right, aside from any performance consequences resulting from system use*” (hlm. 351). Dalam kajian yang dijalankan oleh Jarvenpaa dan Todd (1997) serta Koufaris (2002) tentang kajian pembelian atas talian, keseronokan boleh mempunyai kesan yang besar terhadap sikap dan tingkah laku pelanggan di laman sesawang dan boleh meningkatkan niat pelanggan untuk kembali menggunakannya. Kajian yang menggunakan model TAM juga mendapati keseronokan penggunaan mempunyai hubungan positif dengan persepsi mudah digunakan (Moon & Kim, 2001) serta dengan faktor berguna (Agarwal & Karahanna, 2000). Mengikut definisi operasi, keseronokan diukur berdasarkan sejauh mana pelajar Universiti Utara Malaysia seronok menggunakan radio atas talian THR Gegar. Keseronokan juga dilihat untuk mengenalpasti hubungan antara keseronokan dan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia.

Kekerapan menggunakan radio atas talian

Menurut Mahmud dan Omar (2013), kekerapan boleh dimaksudkan dengan kadar atau peringkat. Penggunaan teknologi yang kerap adalah penanda signifikan kepada penglibatan pengguna. Sebagai contoh dalam kajian Swanson (1974), lebih tinggi tahap penglibatan pengguna dalam menggunakan teknologi akan dapat meningkatkan kekerapan penggunaannya. Definisi operasi untuk kekerapan ialah apakah tahap kekerapan mendengar radio atas talian “THR Gegar” oleh pelajar Universiti Utara Malaysia. Dalam konteks ini, kajian ini dilihat untuk mengenal pasti hubungan antara kekerapan mendengar radio atas talian “THR Gegar” dan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia.

Jantina

How Lee (2007) berkata, jantina ialah kualiti biologi yang ditentukan oleh genetik dan hormon. Perbezaan jantina terhadap penggunaan teknologi wujud dalam beberapa kajian terdahulu. Kajian Madi-gan, Goodfellow dan Stone (2007) menyatakan pelajar perempuan tahun pertama di kolej didapati kurang keyakinan menggunakan teknologi komputer berbanding lelaki. Dalam kajian ini, pengkaji melihat perbezaan antara jantina dengan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia.

Sikap

Fishbein dan Ajzen (1975, hlm.6) mendefinisikan sikap sebagai “*a learned predisposition to respond in a consistently favorable or unfavorable manner with respect to a given object*”. Ini bermakna sikap terhadap tingkah laku seseorang sama ada merasakan positif atau negatif dalam melakukannya sebelum memperlihatkan tingkah laku sebenar. Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin melihat sama ada sikap dipengaruhi oleh pembolehubah pengetahuan, mudah digunakan, berguna, keseronokan, kekerapan penggunaan radio dan jantina.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dengan menggunakan tinjauan soal selidik. Borang kaji selidik ini diedarkan secara bersemuka ke atas pelajar INASIS PETRONAS yang menggunakan radio atas talian “THR Gegar” melalui *laptop*, *iPad* atau telefon pintar dengan kemudahan capaian wifi Internet. Populasi pelajar adalah seramai 830 orang. Pengkaji memilih responden yang terdiri dari 263 orang pelajar. Pengkaji menggunakan persampelan bertujuan dengan memilih responden ini yang terdedah dengan penggunaan Internet dan mempunyai kemudahan wifi Internet di INASIS mereka bagi memudahkan mereka mendengar radio ini menggunakan *laptop*, telefon pintar atau *iPad*. Selain itu, pengkaji juga menggunakan teknik persampelan bola salji yang melibatkan pengedaran soal selidik kepada sebahagian pelajar INASIS Petronas dan meminta responden mencadangkan subjek lain yang layak dan mengikut kriteria dikehendaki untuk menjadi responden kajian ini. Kesemua responden hendaklah menghantar semula soal selidik yang telah dijawab. Kaedah ini dibuat bagi tujuan mengumpul maklumat yang dikehendaki oleh pengkaji.

Instrumen item kajian dibina oleh penyelidik. Instrumen kajian diadaptasi dari beberapa penyelidik lalu seperti Lahabou (2011), Aziz (2014), dan Razmi (2014). Bagi pemboleh ubah pengetahuan, mudah digunakan, berguna dan sikap diukur dengan menggunakan skala interval iaitu 1: sangat tidak setuju hingga 5: sangat setuju. Selain itu, pemboleh ubah keseronokan diukur dengan menggunakan skala interval iaitu 1: sangat negatif hingga 5: sangat positif. Pemboleh ubah kekerapan penggunaan radio atas talian pula diukur dengan menggunakan skala ordinal. Manakala, demografi responden menggunakan skala nominal untuk mengukur jantina dan etnik. Skala nisbah pula digunakan untuk mengukur pembolehubah umur dan semester. Skala ordinal juga digunakan dalam mengukur pembolehubah tahun pengajian di UUM dan kolej. Bagi penganalisan data pula, ia dilaporkan secara diskriptif dan statistik berbantuan perisian IBM SPSS 19.0.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian dibahagikan kepada demografi responden dan hipotesis kajian.

Demografi Responden

Hasil daripada analisis ini mendapati bahawa seramai 96 (36.5%) orang adalah terdiri daripada responden lelaki manakala 167 (63.5%) orang terdiri daripada responden perempuan. Dari kategori umur pula, majoriti responden berumur 22 tahun iaitu seramai 85 (32.3%) orang, diikuti 64 orang yang berumur 21 (24.3%) tahun, 49 orang yang berumur 23 (18.6%) tahun, 26 orang yang berumur 24 (9.9%) tahun, 21 orang yang berumur 20 (8.0%), 9 orang yang berumur 19 (3.4%) tahun, 7 orang yang berumur 25 (2.7%) dan masing-masing 1 orang yang berumur 26 (0.4%) dan 27 (0.4%) tahun. Seterusnya bagi etnik pula, majoritinya adalah etnik berketurunan Melayu iaitu seramai 225 (85.6%) orang, diikuti oleh etnik India seramai 21 (8.0%) orang, etnik Cina seramai 13 (4.9%) orang dan lain-lain etnik iaitu Kadazan Dusun, Iban dan Jawa seramai 4 (1.5%) orang. Bagi tahun pengajian di UUM pula, ia dipelopori oleh tahun ketiga iaitu seramai 115 (43.7%) orang, diikuti dengan tahun lain-lain atau keempat dan ke atas seramai 67 (25.5%) orang, 55 (20.9%) orang bagi tahun kedua dan tahun pertama seramai 26 (9.9%) orang.

Selain itu, turut dibincangkan ialah semester dengan majoriti responden adalah daripada semester lima (5) iaitu seramai 90 (34.2%) orang, diikuti responden dari semester tujuh (7) seramai 73 (27.8%) orang, diikuti oleh responden dari semester tiga (3) seramai 44 (16.7%) orang, semester enam (6) seramai 19 (7.2%) orang, semester satu (1) seramai 18 (6.8%) orang, diikuti lagi semester empat (4) seramai 10 (3.8%) orang, semester dua (2) seramai 8 (3.0%) orang dan semester lain-lain atau semester 8 dan ke atas seramai 1 (0.4%) orang. Di samping itu, turut dibincangkan ialah kolej pengajian responden yang mempunyai majoriti oleh kolej COB (*College of Business*) iaitu seramai 118 (44.9%) orang, diikuti kolej CAS (*College of Arts and Science*) seramai 95 (36.1%) orang dan kolej COLGIS (*College of Law, Government and International Studies*) iaitu seramai 50 (19.0%) orang.

Analisis Kolerasi Pearson dan Spearman

Perbincangan yang seterusnya melibatkan hasil analisis *Kolerasi Pearson* bagi pembolehubah pengetahuan, mudah digunakan, berguna, keseronokan menggunakan radio atas talian “THR Gegar” dan sikap terhadap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” serta Korelasi Spearman bagi meneliti hubungan antara kekerapan menggunakan radio atas talian “THR Gegar” terhadap sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar”.

Hubungan antara Pengetahuan, Mudah Digunakan, Berguna, Keseronokan, Kekerapan Penggunaan Radio Atas Talian dengan Sikap Penggunaan Radio Atas Talian

Berdasarkan Jadual 4, dapat dilihat bahawa terdapat hubungan positif antara pengetahuan dan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” ($r=0.513$, $p<0.01$). Magnitud kekuatan hubungan bagi pembolehubah ini adalah sederhana. Hipotesis ini diterima. Ini bermaksud semakin positif persepsi pengetahuan responden terhadap penggunaan radio atas talian “THR Gegar”, semakin positif sikap mereka terhadap penggunaannya. Hasil kajian ini didapati selari dengan hasil kajian Lahabou (2011) yang mendapati faktor pengetahuan tentang kewujudan radio atas talian IIUM.FM mempunyai hubungan positif dengan magnitud kekuatan sangat rendah terhadap sikap penggunaan radio atas talian tersebut.

Seterusnya, terdapat hubungan positif antara mudah digunakan dengan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” ($r=0.613$, $p<0.01$). Magnitud kekuatan hubungan bagi pembolehubah ini adalah sederhana. Hipotesis ini diterima. Ini bermaksud semakin positif persepsi responden bahawa penggunaan radio atas talian “THR Gegar” sesuatu yang mudah digunakan, semakin positif sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” tersebut. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, pengkaji mendapati hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Klopping dan McKinney (2004) yang mendapati faktor mudah digunakan mempunyai hubungan positif dengan magnitud sangat rendah terhadap sikap penggunaan Internet dalam membuat pembelian menerusi *online* atau secara *offline*.

Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif antara berguna dengan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” ($r=0.677$, $p<0.01$). Magnitud kekuatan hubungan bagi pembolehubah ini adalah sederhana. Hipotesis ini diterima. Ini bermaksud semakin positif persepsi responden menggunakan radio atas talian “THR Gegar”, semakin positif sikap mereka menggunakannya. Hasil kajian ini didapati selari dengan hasil kajian lalu oleh Lahabou (2011) yang mendapati persepsi berguna mempunyai magnitud kekuatan hubungan positif yang sederhana terhadap sikap penggunaan radio atas talian IIUM.FM.

Begitu juga dapatan kajian mendapati wujud hubungan positif antara keseronokan dengan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” ($r=0.437$, $p<0.01$). Magnitud kekuatan hubungan bagi pembolehubah ini adalah rendah. Hipotesis ini diterima. Ini bermaksud semakin positif persepsi responden bahawa penggunaan radio atas talian “THR Gegar” sesuatu yang menyeronokan, semakin positif sikap mereka terhadap penggunaannya. Berdasarkan hasil kajian Thong et al. (2006), pengkaji mendapati hasil kajian ini adalah sama yang mana Thong dalam kajiannya mendapati keseronokan mempunyai kesan positif ke atas sikap penggunaan laman web untuk membeli-belah dalam talian.

Selain itu, wujud juga hubungan positif antara kekerapan menggunakan radio atas talian “THR Gegar” dengan sikap penggunaannya ($r=0.560$, $p<0.01$). Magnitud kekuatan hubungan bagi pembolehubah ini adalah sederhana. Hipotesis ini diterima. Ini bermaksud semakin positif responden menggunakan radio atas talian “THR Gegar”, semakin positif sikap mereka menggunakannya. Hasil kajian ini didapati tidak selari dengan kajian lalu oleh Lahabou (2011) yang mendapati kadar kekerapan mendengar radio IIUM.FM tidak mempunyai hubungan positif dengan sikap penggunaan radio atas talian tersebut.

Jadual 4 Ujian *korelasi pearson* untuk mengukur hubungan antara pengetahuan, mudah digunakan, berguna, keseronokan, kekerapan menggunakan dengan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” ($n=263$)

Pemboleh Ubah	Nilai r	Nilai p	Kekuatan Hubungan
Pengetahuan	0.513**	0.000	Sederhana
Mudah digunakan	0.613**	0.000	Sederhana
Berguna	0.677**	0.000	Sederhana
Keseronokan	0.437**	0.000	Rendah
Kekerapan menggunakan radio atas talian	0.560**	0.000	Sederhana

Aras signifikan $p<0.01$ **

Analisis Ujian *t-test*

Perbincangan yang seterusnya adalah melibatkan hasil analisis ujian *t-test* bagi meneliti perbezaan jantina dengan sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar”.

Perbezaan antara Jantina dengan Sikap Penggunaan Radio Atas Talian

Berdasarkan Jadual 5, hasil analisis menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan jantina ($t=0.547$, $p>0.05$) di antara responden lelaki dan perempuan dari segi sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar”. Skor purata bagi perempuan (3.4476) adalah hampir sama dengan skor purata bagi lelaki (3.5000) dan mempunyai sisihan piawai bagi lelaki (0.63) dan perempuan (0.81). Formula statistik yang boleh dibina ialah [$t(261)=0.547$, $p>0.05$]. Oleh itu, hipotesis tidak diterima. Ini bermakna, sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” tidak dipengaruhi oleh perbezaan jantina. Hasil kajian ini selari dengan kajian Thanuskodi (2013) yang mendapati tiada perbezaan antara jantina dengan sikap penggunaan Internet dalam kalangan pelajar kolej.

Jadual 5: Ujian *t-test* antara sikap penggunaan radio atas talian dengan jantina (N=263)

Pembolehubah	Jantina	N	Min	SP	t	df	Sig.
Sikap penggunaan radio atas talian	Lelaki	96	3.5000	0.63246	0.547	261	0.585
	Perempuan	167	3.4476	0.80745			

Aras signifikan $p > 0.05$

Penggunaan radio atas talian ini semakin mendapat tempat di hati pengguna dengan adanya kemudahan Internet dan gajet mudah alih seperti laptop dan telefon pintar. Golongan muda lebih meminati untuk menggunakan radio atas talian ini berbanding menggunakan radio tradisional yang menggunakan gelombang frekuensi yang perlu diubah-ubah mengikut kawasan geografi yang sememangnya agak sukar untuk menentukan kadar frekuensi yang tepat.

Majoriti responden mempunyai pengetahuan positif terhadap kewujudan radio ini dan boleh mencapai radio ini melalui laman sesawang rasminya serta boleh juga mencapai radio ini melalui talian Internet di komputer/laptop/telefon pintar. Radio ini juga boleh digunakan secara percuma dan bersiaran selama 24 jam sehari. Dari segi mudah digunakan, persepsi responden adalah positif bahawa radio ini sesuatu yang mudah digunakan. Laman sesawang rasmi radio ini memudahkan responden mengaksesnya dan boleh menggunakan radio ini dengan mudah dengan bantuan komputer/laptop/telefon pintar sambil membuat kerja. Responden juga berpendapat bahawa radio ini mudah digunakan bila-bila masa dan mudah bagi mereka mengikuti arahan dan fungsi kegunaan radio ini.

Dari segi berguna pula, persepsi responden adalah positif terhadap kebergunaan radio ini. Majoriti responden berpendapat bahawa penggunaan radio ini untuk menghiburkan diri, bersantai, mengisi masa terluang, mendapatkan maklumat terkini dan berinteraksi dengan rakan. Radio ini juga berguna kepada responden. Manakala, persepsi responden adalah positif terhadap keseronokan radio ini. Responden menyatakan radio ini adalah positif, menyenangkan, menggembirakan, memuaskan hati, menarik dan menyeronokkan. Di samping itu, sikap penggunaan radio ini adalah positif dalam kalangan responden. Majoriti responden menyatakan menarik menggunakan radio ini sebagai hiburan, suka menggunakan radio ini semasa membuat kerja menggunakan laptop/komputer/telefon pintar, menarik menggunakan radio ini untuk aktiviti harian, serta menggunakan radio ini untuk mendapatkan informasi dan maklumat semasa adalah idea yang bagus. Dari segi kekerapan penggunaan radio ini pula, didapati majoriti responden tidak kerap menggunakan radio ini. Majoriti responden hanya menggunakan radio ini hampir beberapa kali seminggu dan menggunakannya hampir antara 1-5 jam seminggu.

Seterusnya, hasil kajian mendapati bahawa enam hipotesis yang dibentuk iaitu:

1. Terdapat hubungan positif antara pengetahuan dengan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar ($r=0.513$, $p<0.01$). Ini selari dengan hasil kajian Lahabou (2011) yang menunjukkan faktor pengetahuan memiliki hubungan positif terhadap sikap penggunaan radio atas talian IIUM.FM.
2. Terdapat hubungan sederhana antara mudah digunakan dengan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar ($r=0.613$, $p<0.01$). Oleh itu, hasil kajian Klopping dan McKiney (2004) pula mendapati wujudnya hubungan positif antara mudah digunakan terhadap sikap penggunaan pembelian menerusi online atau secara offline di Internet.
3. Terdapat hubungan positif antara berguna dengan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar ($r=0.677$, $p<0.01$). Oleh itu, hasil kajian Matos dan Madeira (2005) berkenaan penggunaan telefon

pintar dalam urusan harian pula mendapati hubungan positif antara berguna terhadap sikap penggunaan telefon pintar tersebut.

4. Terdapat hubungan positif antara keseronokan dengan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar ($r=0.437$, $p<0.01$). Sama seperti hasil kajian Thong et al. (2006) yang mendapati bahawa keseronokan mempunyai hubungan positif ke atas sikap penggunaan laman web untuk pembelian atas talian.
5. Terdapat hubungan positif antara kekerapan menggunakan radio atas talian THR Gegar dengan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar ($r=0.560$, $p<0.01$). Hasil kajian Lahabou (2011) yang mendapati kadar kekerapan mendengar radio IIUM.FM tidak mempunyai hubungan positif dengan sikap penggunaan radio atas talian tersebut.
6. Tidak terdapat hubungan antara perbezaan jantina dengan sikap penggunaan radio atas talian THR Gegar ($t=0.547$, $p>0.05$). Ini disokong oleh kajian lalu yang dijalankan oleh Thanuskodi (2013) yang mendapati tiada perbezaan antara jantina dengan sikap penggunaan Internet dalam kalangan pelajar kolej.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan hasil kajian ini dapat menunjukkan bukti bagaimana sesuatu teknologi ini dapat diadaptasi atau diterima dan faktor mempengaruhi sikap penggunaan teknologi tersebut. Model TAM digunakan dalam kajian ini. Terdapat lima sebab sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar” dalam kalangan mahasiswa UUM iaitu pengetahuan, mudah digunakan, berguna, keseronokan, dan kekerapan penggunaan radio atas talian “THR Gegar”. Manakala jantina tidak menjadi sebab kepada sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar”.

Kajian ini telah mengesahkan dapatan kajian melalui pendekatan tinjauan soal selidik secara bersemuka dalam kalangan sampel pelajar INASIS PETRONAS seramai 263 orang. Penggunaan ujian analisis statistik iaitu *Korelasi Pearson* dan *Spearman* serta ujian *t-test* membantu menghuraikan secara umum faktor yang mempengaruhi sikap penggunaan radio atas talian “THR Gegar”. Selain itu, kajian ini menyumbang kepada bidang penyiaran yang berorientasikan digital, media baru dan teknologi maklumat. Radio atas talian “THR Gegar” dapat dijadikan sebagai sumber untuk menyebarkan maklumat dan hiburan kepada masyarakat luar. Di samping menawarkan maklumat dan hiburan, capaian yang mudah untuk didapati serta talian yang pantas menjadi pilihan alternatif bagi pengguna gajet khususnya anak muda zaman kini yang menggunakan laptop, telefon pintar dan tablet dalam kehidupan seharian.

Kajian yang akan datang harus dilakukan dengan meluaskan dengan menggunakan sampel mahasiswa universiti lain dan membuat perbandingan dari stesen radio yang lain seperti ERA.FM dan HOT.FM bagi mengenalpasti perbandingan sikap penggunaan radio atas talian tersebut.

RUJUKAN

Agarwal, R., & Karahanna, E. (2000). Time flies when you're having fun: Cognitive absorption and beliefs about information technology usage. *MIS Quarterly*, 24(4), 665-694.

- Aziz, A.,T., M. (2014). *Faktor-faktor yang mempengaruhi sikap penggunaan "Youtube" melalui telefon pintar Samsung dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia*. Projek Ilmiah yang Tidak Diterbitkan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Buku Maklumat Statistik Q1 2013. (2013). Dipetik pada 2 April 2015 daripada laman sesawang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia: <http://www.skmm.gov.my/Resources/Statistics/Communications-and-Multimedia-Pocket-Book-of-Stat.aspx?lang=ms-MY>
- Chuttur M.Y. (2009). Overview of the technology acceptance model: Origins, developments and future direction. *Sprouts: Working Paperson Information Systems*, 9(37). Dipetik pada 29 Mac 2015 daripada <http://sprouts.aisnet.org/9-37>
- Davis, F.D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13 (3), 319-340.
- Fishbein, M.& Ajzen, I. (1975). *Belief, attitude, intention, and behavior: An introduction to theory and research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- How Lee, C. (2007) *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis Master, Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Pendidikan.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2014, November 18). Sejarah penubuhan Jabatan Penerangan Malaysia. Dipetik pada 20 Mac 2015, daripada Jabatan Penerangan Malaysia: <http://www.penerangan.gov.my/kedah/index.php/bm/profil/sejarah>
- Jarvenpaa, S. L. & Todd, P. A. (1997). Consumer reactions to electronic shopping on the World Wide Web. *International Journal of Electronic Commerce*, 1(2), 59-88.
- Jenks, J. (2010, October 14). *Radio's loss is Pandora's gain*. Dipetik pada 29 Mac 2015, daripada Market Research World: <http://www.marketresearchworld.net/content/view/3496/77/>
- Keith, M. C. (2010). *The radio station: Broadcast, satellite and internet* (8th ed.). Boston: Focal Press.
- Klopping, I.M. & McKinney, E. (2004). Extending the technology acceptance model and the task-technology fit model to consumer e-commerce. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 22, 35-48.
- Kosmo! Online. (2008). *Lonjakan THR*. Dipetik pada 8 Mac 2015, daripada http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2009&dt=0803&pub=Kosmo&sec=Hiburan&pg=hi_02.htm
- Koufaris, M. (2002). Applying the technology acceptance model and flow theory to online consumer behavior. *Information Systems Research*, 13 (2), 205-223.
- Lahabou, M. (2011). *Students acceptance of an internet campus radio: A test of the technology acceptance model*. Projek Ilmiah yang Tidak Diterbitkan. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa.
- Lee, Y., Kozar, K. A., & Larsen, K. R. (2003). The technology acceptance model: Past, present, and future. *Communications of the Association for Information Systems*, 12, 752-780.
- Madigan, E.M., Goodfellow, M., & Stone, J.A. (March 7-11, 2007). Gender, perceptions, and reality: Technological literacy among first-year students. In *Proceedings of the 38th SIGCSE Technical Symposium on Computer Science Education* (pp. 410-414). New York, N.Y.: ACM.
- Mahaman, L. & Saodah Wok (2011). Students' acceptance of an internet campus radio: a test of the technology acceptance model. In: *International Conference on Media and Communication (MENTION 2011)*, 11-12 October 2011, Equatorial Hotel, Bangi. (Unpublished).
- Mahmud, M. Z., & Omar, B. (2013). Motif dan kekerapan penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Komunikasi*, 29(1), 35-54. Dipetik pada 1 April 2015, daripada <http://journalarticle.ukm.my/6420/>
- Matos, F.M. & Madeira, E.R. (2005). A context-aware negotiation model for m-commerce. *Mobility Aware Technologies and Applications*, Springer, pp. 230-239.
- Moon, J.W. & Kim, Y.G. (2001). Extending the TAM for a world-wide-web context. *Information & Management*, 38, 217-230.

- MyMetro. (2007). *Demi kepuasan pendengar*. Dipetik pada 29 Mac 2015, daripada http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/DemiKepuasanPendengar/Article/article_print
- MyMetro. (2014, November 4). *13 juta dengar Astro Radio*. Dipetik pada 8 Mac 2015, daripada <http://www.hmetro.com.my/node/6241>
- Radio Malaysia Online. (2015). Dipetik pada 22 Mac 2015, daripada <http://www.radiomalaysia.net/>
- Razmi, A., R. (2014). *Pengaruh sikap penggunaan Instagram video dalam kalangan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis*. Projek Ilmiah yang Tidak Diterbitkan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of innovations* (5th ed.). New York: Free Press.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2013). Dipetik pada 2 April 2015, daripada <http://www.skmm.gov.my/Resources/Statistics/Communications-and-Multimedia-Pocket-Book-of-Stats.aspx?lang=ms-MY>.
- Swanson, E.B. (1974). Management information systems: Appreciation and involvement. *Management Science*, 12(1), 91-108.
- Thanuskodi, S. (2013). Gender differences in internet usage among college students: A comparative study. *Library Philosophy and Practice*. Dipetik pada 29 Mac, 2015 daripada <http://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/1052>
- Thong, J.Y.L., Hong, S.J. & Tam, K.Y. (2006). The effects of post-adoption beliefs on the expectation-confirmation model for information continuance. *International Journal of Human Computer Studies*, 64(9), pp. 799-810.
- van Selm, M., Jankowski, N. W., & Kleijn, B. (2004). Dutch web radio as a medium for audience interaction. In Crisell, A. (Ed.), *More than a music box: Radio cultures and communities in a multimedia world* (pp. 265-282). New York: Berghahn.
- Venkatesh, V. & Bala, H. (2008). Technology acceptance model and a research agenda on interventions. *Decision Sciences*, 39(2). Dipetik pada 1 April, 2015, daripada <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/j.1540-5915.2008.00192.x/abstract>